

Nama : PERHIMPUNAN BULANAN IPL BAGI BULAN OGOS 2017 DAN
SAMBUTAN BULAN KEMERDEKAAN KE 60

Tarikh: 22 OGOS 2017

Tempat : AUDITORIUM IPL
Anjuran : IBU PEJABAT LAUT

Ringkasan Program: Berbagai isu dan amanat diberikan oleh YBhg Dato Ketua Pengarah Laut pada perhimpunan tersebut. Pada hari tersebut juga di adakan pelancaran Hari Kemerdekaan Malaysia yang ke 60 dan Kibaran Jalur Gemilang peringkat Ibu Pejabat Laut.

AMANAT YBHG. DATO' KETUA PENGARAH LAUT DI MAJLIS PERHIMPUNAN BULANAN, IBU PEJABAT LAUT UNTUK BULAN OGOS 2017 YANG TELAH DIADAKAN PADA 22 OGOS 2017 (SELASA)

1. YBhg. Dato' KP mengucapkan Selamat Menyambut Kemerdekaan Yang Ke 60 kepada semua warga JLM. Beliau mengajak semua warga JLM agar menghayati erti kemerdekaan ini dengan penuh keinsafan. Negara kita yang dahulunya sebuah negara pertanian telah *transformed* kepada sebuah negara perindustrian. Disamping itu, sebagai kakitangan awam kita patut merasa bersyukur kerana kedudukan kita jauh lebih baik berbanding dengan negara-negara lain. Dengan keadaan ekonomi global yang tidak menentu, ada di antara kakitangan awam di negara lain yang diturunkan gaji tetapi di negara kita perkara ini tidak terjadi. Dengan yang demikian, kita perlulah melipat gandakan usaha untuk melaksanakan program-program yang telah dirancang demi kesejahteraan rakyat.
2. Kriteria Kompetensi dan Potensi untuk syarat kenaikan pangkat bagi Pegawai Laut, Penolong Pegawai Laut dan Pembantu telah diluluskan oleh JPA. Kaedah pelaksanaan kriteria kompetensi dan potensi ditetapkan pada wajaran 75% berasaskan Laporan Nilai Prestasi Tahunan dan 25% berasaskan kriteria potensi. Untuk kenaikan pangkat daripada Gred A19 ke Gred A22 perlu lulus kriteria khusus iaitu Kursus Asas Pengendalian Bot.
3. Pada 16 Ogos 2017, Dewan Negara telah meluluskan Akta Ordinan Perkapalan Saudagar (Pindaan) 2017. Antara perkara yang mustahak yang terdapat dalam pindaan itu adalah :-
 - 3.1 Yuran pendaftaran tanan kapal dibayar secara tahunan berbanding sekali sahaja pada waktu sekarang. Hasil yuran tersebut akan dimasukkan ke dalam Kumpulan Wang Pembangunan Kapal Malaysia dan ianya akan digunakan untuk pembangunan sektor perkapalan di Malaysia;
 - 3.2 Pelesenan bot adalah dihadkan kepada bot yang tanannya bawah daripada 15 tan sahaja. Bot yang lebih daripada 15 tan perlu didaftarkan berbanding dengan 500 tan pada waktu sekarang; dan

- 3.3 Peruntukan bagi membolehkan mana-mana aktiviti atau infrastruktur yang dimiliki oleh JLM diswastakan.
4. Pada bulan September ini, JLM akan menganjurkan Hari Maritim Sedunia Peringkat Kebangsaan. Sehubungan dengan itu, warga JLM adalah diminta untuk memberi sokongan yang padu untuk menjayakan program tersebut.



YBhg. Dato' Haji Baharin menyampaikan amanatnya.



Pegawai dan kakitangan sedang mendengar amanat



Kibaran Jalur Gemilang sambil menyanyikan lagu kemerdekaan

